

Transformasi Global Melalui Perindustrian, di Batam, Indonesia

Noraini Ibrahim

Pendahuluan

Globalisasi dan kesannya kepada pembangunan di negara membangun telah diperbahaskan dengan begitu hangat sekali dan merupakan isu yang kontroversi. Strategi pembangunan melalui perindustrian yang merupakan tren seringkali dijadikan alat proses globalisasi telah menghasilkan perbagai kesan yang rencam dari segi bidangan dan pengaruhnya ke atas pembangunan di negara membangun. Dengan itu pengkajian sains sosial yang pelbagai disiplin yang bersepadu mengenai perkaitan pengaruh globalisasi melalui perindustrian ke atas pembangunan wilayah di Batam amat kurang diterokai oleh para sarjana. Justru itu artikel ini cuba menganalisis kesan transformasi global melalui perindustrian di Batam.

Batam merupakan satu daripada kepulauan Riau di Indonesia telah diidentifikasi sebagai kawasan zon perdagangan bebas. Dengan keluasan 415 km persegi, 2/3 daripada saiz Singapura dan kedudukan Batam yang strategik di rantau Asia Tenggara diharap dapat menarik pelaburan asing. Ini merupakan langkah yang dirancang oleh pemerintah Indonesia dalam usaha mengglobalisasi Batam melalui program pembangunan perindustrian.

Semenjak tahun 1971 lagi Batam telah dikenalpasti sebagai daerah pembangunan melalui kelulusan pemerintah Keppres No. 74. 1971. Dari tahun 1971 sehingga 1990 iaitu hampir 20 tahun telahpun berlalu namun begitu masih amat kurang aktiviti pembangunan telah dilaksanakan di Batam. Hanya pada 1990 pemerintah Indonesia dan Singapura telah menandatangani perjanjian dan Singapura telah bersetuju untuk memberi kerjasama dalam melaksanakan program pembangunan perindustrian di Batam. Di bawah satu Konsortium syarikat swasta Indonesia-Salim Group of Indonesia dengan syarikat swasta Singapore Technologies Industrial Corporation and Jurong Enviromental Engineering telah bersepakat untuk melaksanakan agenda mengglobalisasi Batam melalui proses perindustrian.

Persoalan utama yang akan diteliti dalam artikel ini untuk membincangkan setakat mana proses globalisasi melalui perindustrian memberi impaknya kepada pembangunan wilayah Batam. Bertolak dari persoalan utama ini, perbahasan artikel ini berteraskan kepada peranan pemerintah adalah penting dalam mempengaruhi corak aktiviti pelabur asing sebagai agen penggerak kearah pembangunan yang mampan.

Andaian yang digunakan dalam artikel ini tidak sama sekali menyangkal kesan 'dependency' berpunca daripada kelemahan dasar pembangunan yang tidak bersepadu dalam melaksanakan program pembangunan perindustrian melalui proses globalisasi ekonomi. Ini seterusnya mengukuhkan jaringan negara maju sebagai pembekal teknologi yang utama untuk mengeksploitasikan sumber-sumber yang terdapat di Batam sebagai negara sedang membangun. Ini membawa akan ke arah perangkap pusingan kitaran kemunduran dalam pembangunan. Kebergantungan dengan negara pembekal teknologi dapat diperkurangkan dengan mengambil peranan pemerintah yang berinovatif untuk mengatur semula perancangan dan pelaksanaan di persekitaran negaranya sebagai langkah yang permulaan.

Pada awal kemerdekaan sehingga pada tahun 1967 aktiviti sektor industri di Indonesia didapati amat kecil peranannya kepada ekonomi negara. Sektor industri pada masa itu mencatatkan suatu pertumbuhan yang lembab dan kurang menyumbang kepada ekonomi Indonesia. Antara punca kelembapan pertumbuhan ialah kekurangan modal pelaburan, kekurangan kemahiran dalam mengendalikan teknologi korporat syarikat multinasional. Selain daripada itu kekurangan pelbagai prasarana dan kemudahan-kemudahan kelengkapan seperti jalanraya, alat telekomunikasi, institusi kewangan dan tapak operasi sektor industri. Ini mencerminkan peranan pemerintah pada awal kemerdekaan Indonesia belum ada komitmen yang mencukupi untuk menarik pelaburan asing. Kekurangan prasarana dan kemudahan-kemudahan asas antara faktor utama yang menghalang kepada pertumbuhan sektor perindustrian.

Pada awal zaman kemerdekaan sehingga lewat 1960an ketidakstabilan politik Indonesia sentiasa membimbangkan. Pelabur-pelabur asing tidak tertarik melakukan pelaburannya di Indonesia. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pemerintah bagi menstabilkan politik negara. Untuk menstabilkan politik, belanjawan negara Indonesia lebih mementingkan kepada bidang ketenteraan daripada pertumbuhan ekonomi.

Belanjawan negara di bidang ketenteraan telah menjangkau sebanyak 50% dari jumlah keseluruhannya. Ini telah memburukkan keadaan ekonomi negara sehingga mencatatkan belanjawan defisit. Pertumbuhan ekonomi yang lembab telah menjadi lebih kacau dengan adanya tekanan inflasi yang dahsyat sehingga telah meningkat sebanyak 20% pada setiap bulan sehingga 640% pada tahun 1966 (lihat Edward Yong 1989/1990).

Dasar mewarganegara telah dilaksanakan pada tahun 1958 di bawah pimpinan Sukarno. Banyak syarikat pelabur asing terutama syarikat kepunyaan Belanda telah diwarganegarkan. Keadaan ekonomi negara semakin lumpuh dan malap akibat ketiadaan insentif dari pihak pemerintah untuk menarik pelaburan asing. Selain

daripada itu kekurangan keyakinan dikalangan para pelaburan asing kerana kemungkinan besar mereka perlu menanggung risiko yang tinggi sebagai kesan ekoran daripada dasar mewarganegara.

Pada April 1969 di bawah pimpinan Suharto buat pertama kali melaksanakan rancangan pembangunan negara dalam jangka masa panjang yang di kenali sebagai REPELITA. Undang-undang Pelaburan Asing juga telah diluluskan pada 1969. Ini mengandungi beberapa insentif fiskal, bukan fiskal seperti bebas cukai duti impot, ekspot, zon perdagangan bebas, gudang khas untuk sektor perindustrian dan berbagai skim yang menyediakan perbagai perkhidmatan dan pasarana untuk menarik pelaburan asing.

Sehingga pertengahan 1970an modal pelaburan asing di luar sektor petroleum telah meningkat sebanyak 50% (Robinson, 1980). Sektor perindustrian yang berorientasikan pengimportan sama ada kepunyaan pelabur asing atau pelabur tempatan telah merupakan punca utama ke arah pertumbuhan yang pesat pada tahun 1969-1975. Sektor perindustrian banyak tertumpu kepada pengeluaran barangan pengguna meliputi makanan, tekstil, pakaian, perabot, bahan berasas dari bahan kulit, barangan berasas dari getah, barangan plastik dan peralatan pengangkutan.

Sektor industri berorientasikan pengeksportan amat kurang dalam pertumbuhan ekonomi Indonesia pada tahun 1970an. Memandangkan kepada sumber-sumber asli yang masih kurang dieksploitasi dan tenaga buruh yang begitu banyak adalah antara faktor yang dianggap bersesuaian untuk pemerintah menggalakkan ke arah perkembangan industri yang berasaskan industri pengeksportan. Perubahan strategi pembangunan perindustrian ke arah industri pengeksportan hanya bermula pada awal tahun 1980an.

Menjelang 1980an pertumbuhan perkembangan sektor industri telah menjadi perlahan akibat dari tekanan kemelesatan ekonomi dunia. Ekonomi negara yang sangat bergantung kepada pendapatan ekspot petroleum telah menghasilkan krisis ekonomi. Ini merupakan antara faktor yang mendesak supaya pemerintah mempelbagai strategi pembangunan negara.

Perubahan strategi pembangunan perindustrian yang tidak hanya menumpu kepada industri yang berasaskan kepada import-gantian perlu diusahakan. Dengan yang demikian memperlihatkan usaha merealisasikan ke arah mempelbagaikan sektor ekonomi negara ke arah industri pengeksportan telah bermula sejak tahun 1980an. Bagaimanapun usaha tersebut kurang berkesan dalam keadaan ekonomi dunia yang mengalami kemelesetan.

Sinario pada tahun 1980an masih memperlihatkan sikap pemerintah yang kurang yakin untuk mengglobalisasi ekonomi Indonesia secara terbuka. Malah usaha-usaha kearah merealisasikan pembangunan Indonesia ke arah perindustrian masih merupakan impian. Sektor perindustrian masih mencatatkan nilai bertokok

yang rendah dengan terlalu memusatkan ke arah industri bercorak pengimportan. Kebanyakan industri pengimportan ini masih tertumpu kepada industri makanan dan tekstil. Penyerapan tenaga buruh dalam sektor industri masih kecil dan belum lagi mencatatkan rekod sebagai sektor ekonomi negara yang terpenting. Selain daripada itu sektor industri pada tahun 1980an kurang berjaya menyerap tenaga buruh yang banyak di pasaran. Pembangunan keusahawanan tempatan masih kurang kapasiti untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi. Manakala ekonomi negara masih lagi bergantung kepada sektor petroleum. Ini adalah ciri utama perkembangan sektor perindustrian dalam pembangunan pada tahun 1980an. REPILITA merupakan rancangan pembangunan negara yang masih sukar dilaksanakan. Dengan itu rancangan pembangunan REPILITA yang berteraskan kepada pertumbuhan ekonomi yang dapat membantu untuk menjamin kestabilan dan pembangunan yang dinamik, serta dapat mengagihkan sumber-sumber kekayaan negara dengan sama rata masih juga menjadi impian.

Walaupun Batam yang telah diidentifikasi sebagai kawasan pembangunan semenjak 1971 tetapi masih tidak dapat direalisasikan kerana kekurangan kemudahan-kemudahan pasarana untuk memberi rangsangan yang kuat kepada pelabur asing. Pada 1990 Batam telah ditukarkan status kedudukan kepada kepulauan yang bertaraf zon perdagangan bebas antarabangsa. Batam-Riau bersama-sama Singapura dan Johor merupakan kumpulan kawasan yang diidentifikasi dalam Pertumbuhan Segitiga Ekonomi Selatan (SIJORI). Ini bermakna ketiga-tiga negara anggota Pertumbuhan Segitiga Ekonomi Selatan telah bersepakat untuk menjadikan kawasan pembangunan yang berteraskan kepada sektor industri.

Atas kerjasama pemerintah Indonesia dan Singapura usaha-usaha menyediakan kemudahan pasarana sebagai kawasan pembangunan perindustrian mula dilaksanakan pada 1990. Selepas 2 tahun telah belalu iaitu pada tahun 1992 beberapa kepulauan Riau yang berdekatan dengan Batam telah dijadikan sebagai kawasan pembangunan. Ini memperlihatkan keyakinan pemerintah untuk mengglobalisasi ekonomi negaranya. Ekoran dari kesan kepesatan pertumbuhan ekonomi di Batam melalui Keppers No. 28, 1992, Batam dan beberapa kepulauan Riau yang berdekatan seperti Pulau Galang, Pulau Rempang dan lain-lain pulau yang berdekatan telah diisytiharkan sebagai kawasan pembangunan.

Semenjak 1990an rangkaian institusi-institusi untuk menggalakkan pelaburan asing telah banyak disediakan oleh pemerintah. Ini sebagai usaha untuk menyediakan Batam dalam pasaran ekonomi antarabangsa. Proses globalisasi melalui perindustrian merupakan alat yang digunakan untuk mentransformasi ekonomi negaranya. Insentif pelaburan telah digubal untuk menarik pelabur-

pelabur. Segala usaha-usaha tertumpu ke arah meliberalisasikan kerangka rangkaian institusi-institusi pembangunan perindustrian yang bermatlamat untuk merangsang minat pelaburan asing ke Batam.

KERANGKA RANGKAIAN INSTITUSI-INSTITUSI UNTUK PERTUMBUHAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DI BATAM

Bahagian ini akan membincangkan perkembangan kerangka rangkaian institusi-institusi pemerintah untuk pembangunan perindustrian di Batam. Secara langsung ia mencerminkan kepada peranan pemerintah dalam mempengaruhi pembangunan perindustrian di Batam yang telah menjadi lebih aktif semenjak akhir tahun 1990 lagi. Ini membezakan keadaan sebelum itu di mana penglibatan pemerintah dalam pembangunan perindustrian di Batam begitu sepi dan tidak aktif hampir 20 tahun (tahun 1971 ke akhir tahun 1990).

Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Batam telah dikenalpasti untuk mengurangkan pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang diantara wilayah-wilayah Indonesia. Sebelum ini pembangunan ekonomi banyak tertumpu di Jakarta, Jawa Timur yang telah mengambil sebanyak 46% dari jumlah saiz pelaburan tempatan dan 53% dari jumlah saiz pelaburan asing di Indonesia pada tahun 1993. Penumpuan pembangunan di kawasan Jakarta dan Jawa Timur telah banyak mendatangkan gejala sosio-budaya selain daripada sektor ekonomi yang sukar menampung keperluan asas penduduk-penduduknya. Walaupun usaha-usaha telah dijalankan untuk membangun beberapa wilayah Indonesia yang lain namun demikian masih sukar mencapai kejayaan yang berkesan. Dari itu Batam menjadi harapan kepada pemerintah Indonesia untuk membantu mengurangkan masalah ketidakseimbangan pembangunan dengan lebih berkesan.

Untuk memastikan pembangunan perindustrian berkembang dengan terancang Batam telah mempunyai pelan pembangunan wilayahnya yang tersendiri. Pelan pembangunan Wilayah Batam ini telah direka dan disusun pada tahun 1991 oleh para perunding tempatan dari Fakulti Teknikal Universitas Indonesia.

Berdasarkan pelan pembangunan wilayah Batam ianya adalah gabungan pelan pembangunan Pulau Bareleng yang dibahagikan kepada 5 bahagian. Ini meliputi pertama, sub-wilayah Sekupang yang mengambil keluasan 11,352 ha saiz tanah untuk pembangunan sektor industri, perumahan, pelancungan, industri penternakan, perikanan, pertanian, pejabat dan pusat membeli-belah. Kedua, sub-wilayah Batu Ampar yang mengambil 10,540ha saiz tanah untuk pembangunan sektor industri, pejabat, pusat membeli-belah dan perumahan.

Ketiga, sub wilayah pantai timur mengambil 17,141ha saiz tanah untuk pembangunan sektor industri, pelancungan dan perumahan. Keempat, sub-wilayah yang mengkhusus untuk pembangunan pusat bandar Batam hanya mengambil 2,567ha saiz tanah. Peruntukan tertumpu kepada pembangunan sektor industri, pusat pemerintahan, pusat perdagangan dan perumahan.

Akhir sekali sub-wilayah yang kelima ialah Rempang-Galang yang mengambil sebanyak 34,217ha merupakan peruntukan yang terbesar dari segi saiz tanah. Subwilayah Rempang-Galang dirancang untuk pembangunan sektor pertanian, perumahan, pelancungan dan industri kecil Perkembangan perindusthan di Batam adalah di bawah pengawasan organisasi pemerintah yang dikenali sebagai Otorita Pengembangan Daerah Industri Pulau Batam (BIDA). Organisasi BIDA dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Indonesia iaitu B. J. Habibie. Usaha-usaha yang untuk mentransformasikan ekonomi Batam ke arah perindustrian telah bermula pada tahun akhir tahun 1990.

Segala usaha dari pemerintah bermatlamat kepada meminimakan halangan-halangan ke arah mengglobalisasikan Batam didalam pasaran ekonomi antarabangsa. Antara pakej insentif yang utama ditawarkan untuk menarik pelaburan asing ialah prosedur imigrasi yang mudah, prosedur import dan eksport yang mudah, bebas duti impot, bebas dari cukai nilai bertokok, izin kerja untuk pegawai expatriat juga dibenarkan dan memastikan kemudahan matawang asing dibenarkan bawa keluar.

Kawasan estet pedindustrian yang merupakan alat penarik pelaburan asing yang berkesan telah dibina secara terancang. Kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan letrik, air, alat telekomunikasi juga disediakan di kawasan estat perindustrian. Tanah di estet perindustrian boleh dipajak mengikut kesesuaian para pelabur asing. Pajak tanah kawasan estet perindustrian dan didapati dalam 20 tahun, 30 tahun, 50 tahun dan 80 tahun juga telah tersedia kepada pelabur asing untuk membuat pemilihan

Batam telah menyediakan sebanyak lapan buah estet perindustrian di persekitaran kawasannya Estet perindustrian ini kesemuanya dibina oleh syarikat swasta adalah terdiri dari PT. Kabil Indonusa, PT. Suar International Development, PT. Aman Sejati Propertindo, PT. Kara Primanusia, PT. Batamindo, PT. Seafrent, PT. Trisatya dan PT. Putri Selaka Kencana. Beberapa kemudahan infrastruktur disediakan di estat perindustrian untuk dijadikan sebagai alat pencepat kearah pencapaian kepesatan pertumbuhan ekonomi meialui perindustrian.

Antara infrastruktur adalah jalanraya yang merupakan alat komunikasi yang penting telah dibina di persekitaran wilayah Batam. Pada tahun 1995 sepanjang 389.25km jalanraya di persekitaran kawasan Batam telah dibina. Ini merupakan kerja-kerja pembinaan jalanraya di Batam yang telah mencapai 61% dari sasaran

perancangannya. Hanya sepanjang 1.4 km jalanraya di Batam telah dibina pada tahun 1978 dalam usaha memesatkan pertumbuhan ekonomi Batam yang dipertingkatkan sehingga pada tahun 1993 Batam telah mempunyai jalanraya sepanjang 313km. Ini menunjukkan langkah untuk menambahkan pembinaan jalanraya telah dilipatganda sebagai tanda kesungguhan pemerintah membangun wilayah Batam.

Pelabuhan adalah di antara kemudahan infrastruktur yang penting dalam perdagangan antarabangsa telah juga di pertingkatkan. Ini meliputi menyediakan dan mempertingkatkan kapasiti pelabuhan perkapalan, panjang dermaga, kedalaman sisi dermaga, menyediakan gudang terbuka dan gudang tertutup. Kemudahan-kemudahan seperti ini telah disediakan di pelabuhan Sekupang, Batu Ampar dan Kabil. Kapasiti pelabuhan perkapalan di Batu Ampar dan Kabil telah dipertingkatkan den 3,000 DWT pada tahun 1978 menjadi 35,000 DWT pada tahun 1994. Manakala Sekupang merupakan pelabuhan yang lebih kecil berbanding dengan Kabil den Batu Ampar iaitu hanya mempunyai kapasiti pelabuhan perkapalan 1 0,000 DWT pada tahun 1994.

Selain daripada kemudahan seperti pelabuhan antara dari usaha untuk mempertingkatkan aktiviti perdagangan di Batam kemudahan untuk para penumpang tempatan dan inter Asean yang menggunakan pengangkutan laut juga tidak dilupai kepentingannya. Justru itu Sekupang dan Nongsa merupakan antara pelabuhan yang lebih dikenali dikalangan pelancung ke Batam sedangkan pelabuhan Batu Ampar lebih untuk perdagangan intra dan inter diantara Batam dengan negara -negara Asean. Dengan itu terminal feri di Nongsa dikendali oleh syarikat swasta iaitu PT. Nongsa Terminal Bahari. Maka dengan itu Batam telah dilengkapi oleh tiga buah pelabuhan yang beroperasi serentak. Dengan secara langsung selain daripada kemudahan untuk perdagangan antarabangsa, Batam juga dapat dihubungi oleh pelancung -pelancung dengan feri sebagai pengangkutan laut yang paling berkesan den cepat.

Feri penumpang yang pertama bertolak dari Sekupang ke Singapura pada jam 0730 (waktu Indonesia) manakala feri dari Singapura yang menuju ke Batam pada jam 0730 waktu Singapura. Perkhidmatan feri dari Singapura ke Batam sehingga jam 2000 dari Singapura dan jam 2100 den Batam. Feri-feri ini mempunyai kelengkapan hawa dingin. Perkhidmatan feri dari Batam ke Singapura di operasi oleh tiga buah syarikat swasta iaitu PT. Bintang Baruna Sakti, Bahtera Segara Persada den C.PT. Citra Bahari Nustraindo

Perhubungan Batam dengan kepulauan Riau yang masih amat kurang membangun juga sentiasa tejal melalui perkhidmatan feri yang diuruskan oleh sektor swasta. Umpamanya Tanjung Balai, Karimau, Tanjung Pinang, Tangung Uban, Selat Panjang, Sei Guntung den Tanjung Batu masih dapat dihubungi melalui feri yang

lebih kecil atau lebih dikenali sebagai 'pancung' iaitu perahu yang beroperasi dengan motor. Perkhidmatan feri diantara kepulauan Riau dan pulau-pulau Indonesia yang lain dikendali oleh sembilan buah syarikat swasta. Syarikat swasta yang mengendali perkhidmatan feri secara domestik ini ialah syarikat PT. Sinar Abach, PT. Duta Bahari Sakti, PT. Intrans Dwi Jaya, PT. Ayodhya, PT. Taken Raya, PT. Marina, PT. Sawerigading, PT. Unggul Maju Jaya, PT. Putra Kampar.

Selain daripada kemudahan pengangkutan air, Batam juga mempunyai kemudahan pengangkutan udara. Hang Nadim merupakan lapangan terbang di Batam yang mempunyai kemudahan untuk pesawat B737 DC-9 dan mempunyai kapasiti penyimpanan barang sebanyak 3,246 ton. Kunjungan pesawat di Batam telah bertambah den 7 kali seminggu pada tahun 1983 kepada 109 kaili seminggu pada tahun 1993. Jumlah kunjungan pesawat semakin meningkat sehingga berjumlah 123 kali seminggu pada tahun 1994. Landasan lapangan terbang Hang Nadim telah dipertingkatkan dari 2,500m pada tahun 1983 menjadi 3,600m pada tahun 1994. Agensi perkapalan yang berdaftar di Batam terdiri den 13 buah syarikat swasta yang beroperasi untuk memberi perkhidmatan import eksport kargo. Manakala agensi kargo udara yang beroperasi hanya 3 buah syarikat sahaja kerana permintaan penggunaan pengangkutan kargo udara adalah kurang berbanding dengan pengangkutan air.

Bekalan elektrik adalah diantara infrastruktur yang asas untuk perkembangan sektor industri. Pada 1978 bekalan letrik di Batam hanya mempunyai kapasiti sebanyak 5MW. Ini setimpal dengan keadaan pada ketika itu yang hanya untuk menampung keperluan jumlah kependudukan yang kecil sebanyak 31,800 yang kebanyakan rata penduduk tempatan di Batam menggunakan bekalan tenaga persendirian. Aktiviti ekonomi di Batam pada tahun 1978 masih terpencil den bercorak petempatan. Ini kerana pada ketika itu Batam belum diistisarkan sebagai kawasan zon perdagangan bebas. Untuk menampung permintaan sebagai pulau bertaraf zon perdagangan bebas bekalan tenaga letrik telah meningkat kuasa tenaga dari 5MW pada 1978 menjadi 200MW pada 1993 dan 1994.

Penggunaan telefon yang merupakan alat komunikasi juga dipertingkatkan perkhidmatannya. Pada tahun 1978 kapasiti perkhidmatan talipon hanya membekal sebanyak PABX 10 SS telah meningkat menjadi 24,500 LU pada tahun 1994. Untuk memudahkan pelabur asing di Batam berkomunikasi dalam pasaran antarabangsa sistem telex telah dipertingkatkan perkhidmatannya. Ini bertujuan untuk membolehkan perkhidmatan telex sebagai alat komunikasi yang cepat. Perkhidmatan telex telah dipertambahkan kapasiti dari PABX 2 W pada tahun 1978 menjadi 500 LU pada 1994.

Untuk menarik pelaburan asing ke Batam bekalan air yang mencukupi adalah suatu kepeduan asas. Kapasiti membekal air minuman telah dipertingkatkan dengan mengadakan beberapa kawasan tadahan. Dengan itu bekalan air minum telah dipertingkatkan dah 55 It/sec pada tahun 1978 menjadi 850 It/sec pada tahun 1994. Sebanyak 6 buah kawasan tadahan di Batam telah dikenalpasti ialah waduk Baloi, waduk Sei Ladi, waduk Sei Harapan, Waduk Nongsa, Waduk Duriangkang dan Waduk Muka Kuning. Kawasan tadahan ini akan membekal air di kawasan Batam.

Hotel berbintang telah dibina untuk menampung permintaan yang semakin meningkat. Sebanyak 20 buah hotel berbintang telah dibina untuk menarik pelancung dan aktiviti perniagaan di Batam sebagai kawasan zon perdagangan bebas antarabangsa. Pada 1994 jumlah pelaburan dari pemerintah telah mengambil sebanyak 17.08% berbanding dengan 82.92% merupakan pelaburan swasta. Ini menunjukkan peranan pelaburan swasta telah mengatasi saiz pelaburan pemerintah semenjak 1993 lagi. Sinario ini mencerminkan keyakinan pihak syarikat swasta untuk membuat pelaburan setelah komitmen awal dari pemerintah terbukti untuk mentransformasi Batam ke arah perindustrian.

Batam yang dirancang itu dijadikan untuk pusat pentadbiran pemerintah, perniagaan dan industri sebagaimana yang tercatat di dalam pelan pembangunan wilayah Batam-Barelang. Manakala Rempang-Galang lebih mengkhusus kepada pertanian dan industri kecil. Ini menunjukkan suatu bentuk pembangunan wilayah yang lengkap dan seimbang. Setiap pembangunan sub-wilayah yang mempunyai sektor pekerjaan yang akan menyerab bekalan tenaga manusia dari kawasan perumahan. Jika dilaksanakan dengan teratur kemungkinan ianya akan membantu mengurangkan masalah migrasi penduduk dari kepulauan Riau ke pusat bandar Batam. Selain daripada itu juga pelan pembangunan wilayah Batam- Barelang mengalakkan pertumbuhan ekonomi di luar kawasan pusat bandar Batam supaya perkembangan pekan-pekan kecil dapat dirangsangkan. Tujuannya adalah untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang tidak hanya tertumpu pada satu kawasan sahaja terutama dipusat bandar Batam.

TRANSFORMASI BATAM KE ARAH PERINDUSTRIAN

Globalisasi melalui peranan pelabur asing merupakan alat untuk mencapai strategi pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara membangun. Batam yang menjadi peritis ke arah ini telah bersedia untuk menarik pelaburan asing ke arah matlamat ter.sebut. Globalisasi ke arah perindustrian akan memberi perubahan kepada ekonomi Batam yang akan dibincangkan dalam bahagian ini. Penglibatan

pemerintah secara aktif telah berjaya menarik pelaburan asing ke Batam dan perkaitannya dengan perubahan struktur ekonomi Batam akan menjadi penelitian bahagian ini juga.

Batam sebagai kawasan zon perdagangan bebas transnasional telah menjadi daya tarikan kepada pelabur asing. Berdasar kepada bilangan syarikat seperti yang dapat dilihat dalam jadual 1, sektor bangunan mendahului tempat pertama, manakala sektor industri jatuh kepada tempat kedua yang mempunyai bilangan syarikat yang teramai. Sektor bangunan mempunyai bilangan syarikat yang teramai iaitu mengambil sebanyak 322 (30%) dari jumlah bilangan syarikat keseluruhan. Di tempat kedua ialah sektor industri yang mengambil sebanyak 277 (26%) buah syarikat dari bilangan keseluruhan. Manakala sektor perdagangan dan perhotelan mengambil tempat ketiga sebanyak 225 (21%).

Pada pertengahan tahun 1995 sektor industri telah memberi sumbangan tenaga kerja yang mengambil 50,567 (65%). Ini merupakan sumbangan tenaga kerja yang teramai berbanding dengan lain-lain sektor ekonomi di Batam. Sektor bangunan jatuh tempat kedua yang telah menyerap tenaga kerja sebanyak 16.8%, di tempat ketiga adalah sektor perdagangan dan perhotelan yang telah memberi sumbangan tenaga kerja sebanyak 8.2% (lihat jadual 1).

Berdasar kepada gender, kaum wanita merupakan bilangan yang terbesar yang bekerja di sektor industri dan ini mengambil sebanyak 64% dari jumlah tenaga kerja sektor industri. Ciri-ciri ini amat berbeza dengan sektor bangunan yang telah mengambil tenaga pekerja lelaki yang teramai iaitu 95% berbanding dengan tenaga kerja di kalangan wanita. Kemungkinan besar kaum lelaki lebih bersesuaian sebagai tenaga kerja di sektor bangunan. Sektor bangunan memerlukan bentuk pekerjaan yang menggunakan tenaga fizikal yang lebih banyak dan ini bersesuaian dengan bentuk fizikal kaum lelaki.

Pelabur asing yang mendominasi sektor industri telah mengambil warganegara asing yang teramai berbanding dengan sektor ekonomi yang lain di Batam. Jumlah tenaga kerja dari warganegara asing yang berkerja di Batam seramai 882 (85%) daripadanya berkerja di sektor industri (lihat jadual 1). Dari segi gender, lelaki masih mendominasi jumlah tenaga kerja warganegara asing di Batam yang mengambil jumlah sebanyak 78%. Kebanyakan tenaga kerja warganegara asing dari kaum lelaki ditempatkan di sektor industri sebagai pegawai ekspatriat. Ini adalah selaras dengan dasar syarikat pelabur asing untuk memastikan operasi korporat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Pengambilan tenaga kerja dari warganegara asing di Batam yang hanya mengambil sebanyak 1% daripada jumlah tenaga kerja telah dapat membantu syarikat-syarikat beroperasi di Batam yang secara tidak langsung juga

Jadual 1 : Tenaga Kerja Mengikut Sektor Ekonomi Pada Tahun 1995

SEKTOR	BILANGAN SYARIKAT	WARGA INDONESIA		WARGA ASING	
		LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN
PERTANIAN	17	1,287	73	11	1
PERLOMBONGAN	18	259	40		
INDUSTRI	277	18,104	32,463	688	66
AIR, ELEKTRIK & GAS	9	543	21		
PEMBANGUNAN	322	12,375	692	62	
PERHOTELAN & PERUNCITAN	225	5,078	1,255	43	2
PENGANGKUTAN	85	1,715	230	1	
KEWANGAN & INSURAN	35	648	175	6	
PERKHIDMATAN AWAM	84	1,527	271	2	
	1,072	41,536	35,220	813	69
JUMLAH PEKERJA	77,638				

Sumber: Otorita Batam dari data yang belum diterbitkan


peluang pekerjaan kepada anak tempatan Indonesia. Kekurangan kemahiran teknikal, pemasaran, operasi pengeluaran dikalangan anak tempatan Indonesia telah dibantu oleh warganegara asing untuk mengisi kekosongan jawatan di sektor industri. Ini dapat dilihat dalam gambarajah 1 di mana bilangan tenaga kerja dari warganegara asing di Batam telah meningkat dari 230 pada tahun 1985, menjadi 251 pada tahun 1991. Lebih dari 3 kali ganda jumlah tenaga kerja dari warganegara asing telah meningkat dengan menjadi jumlah 882 pada tahun 1995. Pertambahan tenaga kerja tempatan juga turut meningkat dari jumlah 6,159 pada tahun 1985 menjadi 22,942 pada tahun 1991. Begitu juga lebih dari 3 kali ganda jumlah tenaga kerja tempatan telah bertambah dengan jumlah 76,756 pada tahun 1995.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah hasil sumbangan perbagai sektor ekonomi terutama sektor industri dan sektor pelancongan. Manakala sektor pertanian amat kurang mengambil peranan dalam ekonomi Batam yang hanya mempunyai jumlah pelaburan yang terkecil sebanyak 2%. Ciri-ciri ini dapat dilihat dalam gambarajah 2. Sektor industri menyumbang 54% dari jumlah pelaburan di Batam. Dengan itu sektor industri telah mendominasi jumlah pelaburan dalam sektor ekonomi Batam pada tahun 1995. Sektor pelancongan mengambil tempat kedua dengan jumlah pelaburan sebanyak 17.41% manakala sektor perumahan mengambil sebanyak 15.23% pada tahun 1995.


Pelabur asing yang mendominasi sektor industri banyak memberi penumpuan kepada jenis industri elektronik, logam dasar dan mesin yang mengambil 59.5% dari jumlah pelaburan pada tahun 1995. Jadual 2 menunjukkan jenis industri kepunyaan pelaburan asing. Industri mesin, logam asas dan elektronik mengambil sebanyak 60% dari jumlah pelaburan asing. Jenis-jenis industri adalah untuk dieksport terutama ke Singapura. Sektor perindustrian ini terlalu bercondong kepada industri berorientasikan pengeksportan yang amat bergantung kepada pasaran Singapura.

Walau bagaimanapun jumlah pelaburan asing di Batam hanya mengambil sebanyak 46.12% berbanding dengan pelabur tempatan masih mendominasi jumlah pelaburan di sektor swasta yang berjumlah sebanyak 53.88% pada tahun 1995 (lihat gambarajah 3).

Proses globalisasi melalui perindustrian telah dapat membantu Batam meningkat jumlah eksportnya. Semenjak Batam telah dinaikkan ke taraf sebagai zon perdagangan bebas transnasional jumlah nilai eksport telah meningkat dengan pesat hampir 9 kali ganda dari US\$151.5 juta pada tahun 1990 menjadi US\$ 1,338.88 juta pada tahun 1994. Sebelum tahun 1990 jumlah nilai eksport adalah begitu tidak menonjol kepentingannya kepada ekonomi Batam. Umpamanya pada tahun 1986 Batam hanya menghasilkan jumlah nilai eksport sebanyak US\$20.9 juta



GAMBARAJAH 2 PELABURAN SEKTOR SWASTA MENGIKUT JENIS PADA 1995




Jadual 2: Jenis Industri Kepunyaan Pelaburan Asiang (%)

Industri mesin, logam asas dan elektronik Industri	59.5
Kimia	38.8
Lain-lain jenis	1.7

Sumber: Otorita Batam, data yang belum diterbitkan

JUMLAH PELABURAN SWASTIA
US\$4,403,082,044



(lihat gambarajah 4)

Tidak kurang penting sektor pelancongan juga dapat memberi sumbangan kepada ekonomi Batam. Didapati pendapatan negara yang terhasil dari pelancongan telah meningkat dengan pesat sejak tahun 1991. Umpamanya pada tahun 1986 jumlah hasil pendapatan dari sektor pelancongan hanya mengambil sebanyak US\$11.4 juta dan terus meningkat 15 kali ganda pada tahun 1991 menjadi US\$175.2 juta. Di antara tahun 1986 sehingga 1994 hasil pendapatan dari sektor pelancongan meningkat sebanyak 28 kali ganda dan pada tahun 1994 berjumlah US\$320.1 juta (lihat dalam gambarajah 5). Ini menunjukkan ada perhubungan yang rapat diantara perubahan kedudukan Batam dari sebuah pulau yang terpencil menjadi pulau bertaraf zon perdagangan bebas.


Pelancong yang berkunjung ke Batam pada tahun 1993 kebanyakan terdiri dari kerakyatan Singapura yang mengambil jumlah 70% dan Malaysia mengambil tempat kedua selepas Singapura. Ini adalah disebabkan oleh jarak yang dekat di mana Singapura merupakan jiran yang berhampiran dengan Batam.

Dari segi kependudukan Batam telah mengalami perubahan yang drastik. Pada tahun 1973 jumlah penduduk Batam hanya disekitar 6,000 dan pada tahun 1995 telah mencatat jumlah penduduk sebanyak 168,222 orang. Hanya 46% jumlah penduduknya telah menyumbang sebagai tenaga kerja di Batam.


Pertambahan penduduk di Batam yang meningkat 28 kali ganda dari tahun 1973 sehingga 1995. Selain daripada kadar kelahiran yang tinggi juga disebabkan faktor transmigrasi penduduk. Kemungkinan besar transmigrasi penduduk ke Batam merupakan faktor utama kepada pertumbuhan penduduk di Batam. Ini berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi Batam yang pesat melalui perindustrian. Selain daripada itu ada kemungkinan sebahagian penduduknya yang melalui proses transmigrasi akan menjadikan Batam sebagai tempat persinggahan untuk sementara waktu. Mereka ini akan bermigrasi ke Malaysia apabila didapati peluang pekerjaan sukar didapati di Batam yang akan menjadi faktor penolak. Proses migrasi tenaga kerja dari Batam ke Malaysia dipercepatkan dengan kemudahan sistem pengangkutan air di mana Batam merupakan pusat terminal feri penumpang Indonesia-Malaysia-Singapura.

Dengan itu proses globalisasi melalui perindustrian telah mengubah struktur ekonomi Batam kepada ekonomi pasaran dunia. Sektor industri mempunyai saiz pelaburan yang terbesar kebanyakkan didominasi oleh pelabur asing. Kespantasan ekonomi Batam telah mengwujudkan peluang pekerjaan kepada anak tempatan Indonesia. Di samping itu kemasukan bilangan tenaga kerja warganegara asing telah bertambah terutama untuk keperluan sektor industri. Proses perindustrian telah membuka ekonomi Batam ke pasaran antarabangsa. Selain dari itu juga proses transmigrasi penduduk tempatan ke Batam menjadi faktor utama kepada

GAMBARAJAH 4
Nilai Ekspor di Batam Dari
Tahun 1986-1995



GAMBARAJAH 5
Nilai Pendapatan Pelancungan Di Batam Dari Tahun 1986-1995



pertambahan penduduk Batam. Batam yang berhampiran dengan Malaysia menjadi bandar transit yang membekal tenaga kerja Indonesia sebelum bermigrasi ke Malaysia. Proses migrasi dari Indonesia ke Malaysia dipercepatkan dengan kemudahan sistem pengangkutan air.

PERANAN PELABUR ASING DAN KESAN KEPADA PEMBANGUNAN

Bahagian ini akan meneliti mengenai peranan pelabur asing dan kaitannya dengan pembangunan wilayah di Batam. Penglibatan pemerintah berperanan secara aktif bermula semenjak akhir tahun 1990. Rangkaian kerangka institusi-institusi untuk membangun sektor industri telah disediakan untuk mempengaruhi minat pelabur asing di Batam. Proses globalisasi telah mengubah struktur ekonomi Batam ke arah ekonomi pasaran antarabangsa. Adakah peranan pelabur asing membantu atau di sebaliknya kepada pembangunan wilayah di Batam? Apakah kesan-kesan utama yang dibawa oleh pelabur asing dalam ekonomi wilayah di Batam akibat daripada proses globalisasi melalui perindustrian? Ini merupakan persoalan utama yang akan diteliti dalam artikel ini. Bahagian ini menegaskan peranan pemerintah adalah penting untuk memastikan proses globalisasi melalui perindustrian mencapai matlamat rancangan pembangunan wilayahnya.

Kesungguhan pemerintah untuk menarik pelabur asing di Batam dapat dilihat dari segi pengubalan pakej insentif fiskal dan bukan fiskal. Prosedur imigrasi yang mudah, bebas duti import dan eksport, bebas cukai keatas produk yang mempunyai nilai bertokok, izin kerja yang mudah untuk pegawai ekspatriat adalah di antara pakej insentif yang disediakan. Manakala estet perindustrian memberi pelbagai kemudahan infrastruktur untuk sektor industri beroperasi dalam pengeluaran dengan kos yang paling kompetitif. Pakej insentif ini hanya menarik pelaburan asing dan tidak pelaburan tempatan. Dengan itu didapati 100% syarikat di estat perindustrian yang sekaligus menikmati pakej insentif fiskal kesemuanya dimiliki oleh pelabur asing. Pemilikan ekuiti juga 100% dibenarkan kepada pelaburan asing di Batam. Pelabur tempatan tidak diberi peluang berkongsi ekuiti dalam perbagai bentuk. Ini disebabkan kriteria pakej insentif yang telah disediakan secara tidak langsung bercondong kepada matlamat korporat kepunyaan pelabur asing.

Pengambilan teknologi dari pelabur asing ke Batam sukar dapat membantu merapatkan jurang teknologi antara pelabur tempatan dan pelabur asing. Jurang teknologi meliputi kekurangan kemahiran mengendalikan teknologi yang canggih,

kekurangan kemahiran urusan pemasaran global, kekurangan kemahiran mengoperasi pengeluaran produk global merupakan halangan-halangan yang dialami oleh pelabur tempatan. Pelabur tempatan sukar untuk merapatkan jurang teknologi ini dengan bantuan pelabur asing. Ini kerana ketiadaan mekanisme dari pemerintah yang membantu ke arah mencapai matlamat tersebut. Di sebaliknya pakej insentif dan estet perindustrian yang disediakan adalah untuk pelabur asing bukan untuk pelabur tempatan.

Pengambilan tenaga kerja warganegara asing di sektor industri di Batam dipermudahkan dengan prosedur izin kerja yang mudah. Sehingga tahun 1996 Batam mempunyai dasar perindustrian secara tidak langsung telah mengalakkan pengambilan tenaga kerja warga asing untuk mendominasi jawatan penting dalam sektor industri. Dari segi purata sebanyak lima kekosongan jawatan penting dijabat oleh pegawai ekspatriat di setiap industri kepunyaan pelabur asing. Dasar pembangunan perindustrian wilayah Bareleng-Batam seolah beranggapan pengambilan pegawai ekspatriat akan secara otomatis mewujudkan tenaga kerja tempatan yang mahir. Di sebaliknya pengambilan kerja warga asing tidak akan secara otomatis mewujudkan tenaga kerja tempatan yang mahir. Dengan itu kemungkinan jurang kemahiran di antara anak tempatan dan pegawai ekspatriate sukar diperkecilkan kerana ketiadaan latihan yang sistematik akan diberikan kepada anak tempatan di setiap syarikat pelabur asing. Tiada pakej insentif dan dasar pemerintah ke arah pencapaian matlamat untuk memastikan bekalan tenaga kerja tempatan akan menerima kemahiran dari syarikat pelabur asing. Jika ada latihan diberikan di syarikat industri pelabur asing mungkin lebih kepada ad-hoc dan latihan bercorak sambil bekerja sahaja.

Tidak menjadi hairan di mana didapati Batam tidak mempunyai industri sokongan. Hampir kesemua industrinya berorientasi pengeksporan. Industri sokongan sukar untuk diperkembangkan kerana dasar perindustrian di wilayah Batam secara tidak langsung kurang mengalakkan ke arah pencapaian matlamat tersebut. Pelabur asing sukar membantu ke arah mewujudkan industri sokongan di Batam. Ini kerana dasar yang ada telah mengalakkan pelabur asing mengimport input-input yang digunakan secara langsung dalam pengeluaran produk di estet perindustrian Batam. Segala input-input yang diimport yang digunakan secara langsung dalam operasi pengeluaran adalah bebas dari cukai. Dengan itu dasar yang ada memberi rangsangan kepada pelabur asing mengimport daripada mengambil input tempatan dan seterusnya tidak membantu untuk mewujudkan industri sokongan tempatan.

Industri kecil dan sederhana kepunyaan pelabur tempatan yang merupakan industri sokongan sukar diperkembangkan di Batam. Kemungkinan ini disebabkan pelabur asing lebih mudah meminimalkan kos dengan mengimport bahan-bahan

untuk proses pengeluaran yang dilakukan melalui rangkaian syarikat korporatnya. Proses ini seolah-olah lebih mengalakkan perkembangan sektor industri yang kurang seimbang di Batam yang bergantung kepada hanya kepada pasaran antarabangsa terutama Singapura. Keadaan ini akan mendatangkan bahaya sekiranya ekonomi negara bergantung terus kepada pasaran antarabangsa Singapura kerana pendapatan yang dihasilkan oleh sektor industri adalah tidak seimbang. Industri yang berskil besar diberikan pelbagai pakej insentif dan ini dimonopoli oleh pelabur asing. Secara tidak langsung dasar pembangunan wilayah Bareleng-Batam telah mendiskriminasi perkembangan industri kecil dan sederhana kepunyaan pelabur tempatan.

Dasar perindustrian wilayah Bareleng-Batam terlalu bercondong ke arah sektor industri terutama elektronik, logam asas dan mesin. Aktiviti ekonomi berasaskan pertanian amat berkurangan dan hanya menyumbang sebanyak 2.22% dari jumlah pelaburan sektor swasta. Kemungkinan ini merupakan perniagaan runcit yang berasaskan kepada sektor pertanian untuk memenuhi permintaan di pasaran. Kesemua jenis bahan makanan yang berasas kepada sektor pertanian juga didapati diimport ke Batam. Kawasan persekitaran Batam-Bareleng amat kurang mempunyai bekalan sayuran segar. Didapati ada beberapa kes di mana sayuran segar diimport den Singapura untuk memenuhi permintaan di Batam. Dengan itu industri yang berasaskan pertanian seperti yang dirancangan dalam pelan rancangan pembangunan kawasan wilayah Bareleng-Batam masih amat kurang beroperasi kerana kekurangan insentif pemerintah untuk mengalakkan ke arah aktiviti berasaskan pertanian.

Batam mempunyai kekurangan bekalan air dan elektrik yang mencukupi. Bekalan elektrik seringkali terputus di kawasan perindustrian Muka Kuning dan beberapa kawasan estat perindustrian di Batam yang menimbulkan keresahan di kalangan pelabur asing. Bekalan letrik yang kurang mencukupi akan mengganggu aktiviti pengeluaran sektor industri di Batam. Walaupun Batu Ampar dan Sekupang mempunyai kapasiti bekalan letrik 36.5 MW yang merupakan kapasiti bekalan letrik tertinggi berbanding dengan lokasi lain tetapi kapasiti ini begitu jauh untuk mencapai matlamat seperti yang terdapat dalam perancangan untuk membekal tenaga yang mencukupi di Batam. Begitu juga dengan bekalan air yang kurang mencukupi untuk menampung keperluan di Batam hanya menyediakan 22. 1% bekalan air dari yang rancangan pada keseluruhannya.

Otorita Pengembangan Daerah Industri Pulau Batam menghadapi cabaran untuk menampung keperluan asas di Batam. Proses transmigrasi penduduk ke Batam telah merumitkan pelaksanaan rancangan pembangunan wilayah dengan teratur. Batam yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang pesat telah mengalakkan

proses transmigrasi penduduk. Ketiadaan statistik untuk meneliti ciri-ciri transmigrasi dan perkaitannya dengan pembangunan industri di Batam sukar dianalisis.

Sinario kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk tempatan merupakan cabaran yang masih menjadi perhatian pihak Otorita Batam. Penduduk-penduduk kebanyakan mendiami kawasan setinggian yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas bekalan air dan elektrik. Kawasan setinggian terletak berhampiran dengan pusat bandar Batam dan di pinggir kawasan Muka Kuning sebagai kawasan estet perindustrian yang terpadat. Kawasan setinggian ini kemungkinan didiami daripada penduduk yang bukan berasal dari Batam yang berhijrah untuk mencari peluang-peluang pekerjaan. Rumah atas air merupakan setinggian yang didiami oleh kebanyakan penduduk asal Batam. Kawasan setinggian juga didapati di kawasan tebing-tebing pantai yang berhampiran dengan jeti atau pelabuhan. Punca pendapatan kebanyakan mereka ini daripada aktiviti menangkap ikan sebagai nelayan tempatan. Setinggian di Batam tidak merupakan tenaga kerja di estet perindustrian. Tenaga kerja di estet perindustrian mempunyai tempat penginapan yang disediakan oleh majikan mereka.

Projek perumahan yang mengambil 15.23% dari jumlah pelaburan sektor swasta kebanyakan didirikan bukan untuk keperluan penduduk tempatan. Selain daripada itu sebahagian daripada projek perumahan itu terbelang. Ini mungkin kerana terlalu bergantung kepada pasaran Singapura. Projek perumahan yang disediakan adalah di luar kemampuan penduduk tempatan untuk membelinya. Dengan itu masalah setinggian sukar diatasi kerana projek perumahan yang ada bukan untuk keperluan penduduk tempatan. Proses perbandaran di Batam adalah akibat ekoran pertumbuhan ekonomi. Batam kurang mempunyai kemudahan asas seperti ketiadaan terminal bas. Pengangkutan bas tidak merupakan pengangkutan awam di Batam. Di sebalik wargakota Batam membonceng motosikal tanpa menggunakan topi keledar sebagai pengangkutan awam yang lebih dikenali sebagai 'ojek'. Lesen teksi telah dikeluarkan sebanyak 1,420 buah tetapi permintaan dari wargakota tempatan amat berkurangan kerana telah mengenakan tambang yang mahal dan tidak seragam. Pelancong persendirian dari luar negara lebih gemar menggunakan perkhidmatan kenderaan yang disediakan pihak hotel kerana lebih selesa dan selamat daripada kereh tawar-menawar dengan pemandu teksi.

Keadaan lalulintas di jalanraya utama dan jalanraya pusat bandar Batam mempunyai lampu isyarat yang didirikan di kebanyakan simpang. Malangnya lampu isyarat sukar dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalanraya. Untuk mendisiplin pengguna mengikut lampu isyarat terutama di kawasan persimpangan jalanraya yang utama, pondok polis trafik disediakan disebelah bahu jalanraya. Polis trafik akan menjaga disiplin pengguna lalulintas walaupun pada ketika lampu isyarat

berfungsi dan dalam keadaan lalulintas yang kurang sibuk.

Sistem perparitan dan pelupusan sampah di Batam juga jelas tiada kemudahan. Ini menunjukkan pembangunan perbandaran tidak seimbang dan kurang sihat. Sistem perparitan yang tiada akibat ketiadaan dasar pemerintah akan mendedahkan Batam kepada bahaya banjir kilat. Persekitaran pusat bandar Batam juga kekurangan sistem perparitan. Ini mengalakkan air bertakong yang boleh membiak pelbagai penyakit merbahaya. Manakala ketiadaan sistem pelupusan sampah mencemarkan alam sekitar.

Hakisan tanah banyak berlaku akibat daripada bukit-bukit hutan telah digondolkan untuk diambilalih oleh projek pembangunan. Selain daripada itu debu-debu tanah kelihatan begitu jelas terapung di udara persekitaran bandar Batam. Proses perbandaran di Batam yang kurang dirancang oleh pemerintah telah menghasilkan pembangunan yang 'ad-hoc'.

Kepentingan menjaga alam sekitar masih amat kurang diberi perhatian oleh pihak Otorita. Usaha untuk melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar adalah secara 'ad-hoc'. Pencemaran alam sekitar dikalangan sektor industri masih sukar dikuatkuasa kerana perundangan yang ada belum mempunyai pakej kriteria yang lengkap dan tetap. Sekiranya dilaksanakan untuk memelihara alam sekitar sudah tentu dilaksanakan dengan melibatkan kos sosial yang tinggi. Ini kerana ketiadaan kriteria yang lengkap dan tetap sebagai garis panduan mengenai pemeliharaan alam sekitar akan mengalakkan aktiviti 'rent-seeking'.

Pembangunan wilayah Bareleng-Batam kurang seimbang. Ini kerana pemusatan pembangunan lebih kepada kawasan Muka Kuning sebagai estet perindustrian yang terkenal di Batam. Kawasan estet perindustrian di Batam selain daripada Muka Kuning masih kurang menarik kerana mempunyai kekurangan kemudahan asas.

Perkhidmatan feri antara Batam dan Malaysia & Singapura hanya sehingga 6.30 petang. Selepas masa itu tiada perkhidmatan feri antara Batam dan Singapura dan Malaysia. Keresahan ini lebih dirasai dikalangan pegawai ekspatriat dari sektor industri. Ini kerana tidak pusat perubatan kesihatan yang mempunyai kelengkapan yang mencukupi. Ketiadaan sekolah antarabangsa menyukarkan pegawai ekspatriat yang mempunyai keluarga untuk memenuhi keperluan asas seperti persekolahan anak mereka.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Batam yang bertaraf zon perdagangan bebas transnasional hanya berjaya menarik pelaburan asing. Ekoran dari itu pertumbuhan ekonomi yang pesat dari sektor ekonomi telah menghasilkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Walau bagaimanapun pembangunan perindustrian yang didominasi oleh pelabur asing tidak akan membawa kesan positif sahaja. Proses globalisasi telah mentransformasikan Batam kepada ekonomi yang bercondong kepada pasaran antarabangsa terutama Singapura. Sekiranya sinario ini berterusan ia akan melumpuhkan sektor ekonomi Batam dengan mudah kerana kekurangan kemantapan pembangunan ekonomi.

Proses perbandaran melalui perindustrian merupakan antara faktor yang utama menggalak proses transmigrasi mengambil tempat di Batam. Kemiskinan, kekurangan kemudahan asas untuk menampung keperluan asas penduduk-penduduk tempatan begitu meluas sebagai ekoran dari kekurangan kapasiti sektor bandar menampung keperluan asas penduduk. Dengan itu peranan pelabur asing sebagai agen utama untuk pembangunan perindustrian di Batam tidak secara otomatis akan menyelesaikan cabaran-cabaran baru tanpa komitmen dari pemerintah. Dengan itu kesan globalisasi kepada pembangunan wilayah Batam membawa kerugian yang besar jika struktur ekonomi dan bentuk-bentuk pelaksanaan dasar pembangunan wilayah tidak dikemaskini dengan lebih inovatif dan berkesan.

BAHAN RUJUKAN

1. Caroline Yeoh, Lau Geok Theng (eds.) *Strategic Business Opportunities in the Growth Triangle*. Longman Singapore Publisher Lte.Singapore, 1992.
2. Edward Yong, *An Overview of Industrial Development in Indonesia 1967-1985*. B.A Tesis, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, Sesi 1989/1990.
33. Internet, [http://lsoistice.crest.o ... ecrelasia-pacjind i.html](http://lsoistice.crest.o...ecrelasia-pacjind i.html)
4. Peet, R. *Global Capitalism: Theories of Societal Development*, Routiedge: London,1992
5. Republic of Indonesia, Indonesia. 1987. *An Official Handbook, Department of Information: Jakarta*, 1987
6. Republic of Indonesia, The Investment Coordinating Board (BKPM), *A Brief Guide for Investors in Indonesia*. BKPM: Jakarta, 1993.

7. Republic of Indonesia, *The Investment Coordinating Board (BKPM) Investment Deregulation 1994.P.P. No.2011994. S.K. No.15/SK/1994.BKPM: Jakarta*

8. Republic of Indonesia. *The Investment Coordinating Board (BKPM) Statistic on Investment December 1993 (Under Investment Law No. 1 1967 and No.6, 1968)* BKPM:Jakarta, 1993

9. Robinson R. (eds), *After the Gold Rush: The Politics of Economic Restructuring In Indonesia in the 1980s. South East Asian the 1980s:The Politics of Economic Crisis.* Alien & Unwin: Sydney, c. 1 980.

10.The Economist Newspaper Ltd. *Economist*, September 20-26hb 1997, London.